

Ruj. Kami : USM.HEPA.600-2/2  
Tarikh : 28 JULAI 2021 / 18 ZULHIJAH 1442 H

Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia  
T : +604-653 3449 / 2098  
F : +604-657 3761  
E : dvc\_stu@usm.my / hepa@usm.my

Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan  
Kampus Induk/Kejuruteraan/IPPT

## HEBAHAN PROGRAM KHAS BANTUAN KEWANGAN PELAJAR MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2021

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia (USM) telah meluluskan **Program Khas Bantuan Kewangan Pelajar Menjalani Latihan Industri di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021**. Program khas ini bagi membantu meringankan beban pelajar USM yang sedang menetap di Desasiswa dan dikehendaki menyewa penginapan di luar kampus bagi urusan menjalani Latihan Industri di Negeri Pulau Pinang bermula **2 Ogos 2021**.

3. Untuk makluman juga, di bawah Program Khas ini pelajar yang layak akan menerima bantuan kewangan sebanyak **RM200.00 sebulan bagi tempoh masa maksima tiga (3) bulan** menjalani Latihan Industri.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar Menjalani Latihan Industri Di Negeri Pulau Pinang** untuk makluman dan tindakan lanjut pihak Pusat Tanggungjawab seperti berikut :

- 4.1 Menghebahkan borang permohonan kepada pelajar yang perlu menyewa penginapan di luar kampus bagi menjalani Latihan Industri di Pulau Pinang;
- 4.2 Menyelaras/Mengumpul borang permohonan daripada pelajar;
- 4.3 Menyelaras penghantaran borang permohonan kepada Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA).

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi **Encik Muhammad Syukri Bin Sa'adon, di talian 04-653 5825 atau 013-644 9772 (mss@usm.my)**.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROFESOR DR. ALDRIN BIN ABDULLAH**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

s.k. Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia

Timbalan Naib Canselor  
Akademik dan Antarabangsa